



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM**  
*(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)*  
**Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**  
*(Ministry of Science, Technology and Innovation)*

18 Mac 2021

Notis Pemberitahuan AELB

Bil. 01/2021

**ADUAN SALAH LAKU KAKITANGAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM**

**TUJUAN**

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan kepada pemegang lesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) dan orang awam berhubung saluran rasmi bagi mengemukakan aduan salah laku kakitangan jabatan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB).

**LATAR BELAKANG**

2. Selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (2019-2023) yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah di Malaysia, AELB telah membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) (2021-2025) yang berperanan sebagai kawalan efektif kepada agenda integriti dalam memperkuatkuhan imej dan identiti AELB selaku badan perlesenan dan penguatkuasa bagi aktiviti berkaitan sinaran dan nuklear di negara ini.

3. Pencegahan rasuah dan salah laku berkaitan integriti dipandang serius oleh AELB dan merupakan agenda utama OACP. Dengan penghapusan isu rasuah, penyelewengan serta salah guna kuasa, penyampaian perkhidmatan AELB akan dapat dipertingkat dari sudut kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti.

## **PEMBERITAHUAN**

4. Sehubungan itu sebagai salah satu usaha bagi memastikan integriti AELB sentiasa dipelihara, pemegang lesen dan orang awam adalah digalakkan untuk **melaporkan sebarang salah laku integriti** yang dilakukan oleh kakitangan AELB melalui saluran berikut:

### **Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA)**

<https://mosti.spab.gov.my/eApps/sdmscasepool/SdmsCasePool/add.do>

5. Maklumat pelapor/pemberi maklumat akan dirahsiakan dan diberi jaminan bahawa semua butiran yang diberikan akan dilindungi dan hak keselamatan mereka terjaga, mengikut peraturan sedia ada seperti yang dinyatakan dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Akta Perlindungan Saksi 2009.

## **PENGUATKUASAAN NOTIS**

6. Notis Pemberitahuan ini berkuat kuasa **serta merta** dari tarikh ia dikeluarkan.

## **PENUTUP**

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB melalui alamat seperti di bawah:

Unit Komunikasi Korporat (UKK)	No. Tel: +603-89225888
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)	No. Faks: +603-89223685
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor	
E-mel : <u><a href="mailto:corporate@aelb.gov.my">corporate@aelb.gov.my</a></u>	
Laman Web : <u><a href="http://wwwaelb.gov.my">wwwaelb.gov.my</a></u>	